

<b>Headline</b>	<b>Tanam atas bumbung cegah banjir kilat</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian (Utara)</b>		
<b>Date</b>	<b>27 Jun 2014</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>NEWS</b>	<b>Circulation</b>	<b>25,000</b>
<b>Page No</b>	<b>44</b>	<b>Readership</b>	<b>75,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>207 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 1,194</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 3,582</b>



Patahiyah (tiga, kiri) selepas merasmikan IFPRA di sebuah hotel, semalam.

## Tanam atas bumbung cegah banjir kilat

**BATU FERRINGHI** - Menanam tumbuh-tumbuhan di atas bumbung adalah antara salah satu cara bagi mengurangkan banjir kilat, demikian menurut Pembantu Setiausaha Persatuan Rekreasi dan Taman Malaysia (MyPARK), Noriah Mat.

Menurutnya, tumbuh-tumbuhan yang berada di atas bumbung dapat memerangkap air hujan seterusnya mengelakkan banjir kilat di kawasan bandar.

"Dengan kurangnya air hujan di kawasan tanah, ia sekali gus membantu mengurangkan banjir."

"Kajian awal ini menunjukkan ia antara langkah paling berkesan dan dalam masa yang sama menggunakan sepenuhnya ruang atas di bahagian bangunan tinggi di sekitar bandar raya utama," katanya.

Beliau berkata demikian pada Persidangan Malaysia Urban Green Space and International Federation of Parks Recreation Administration (IFPRA) Asia Pacific 2014 di Hotel Bayview Beach Batu Ferringhi.

Persidangan pertama kali diadakan di negara ini turut mendapat kerjasama Majlis Perbandaran

Pulau Pinang (MPPP) dari dihadiri kira-kira 100 peserta dari dalam dan luar negara.

Hadir sama Yang Dipertua (YDP) MPPP, Datuk Patahiyah Ismail dan Pengarah Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr Ismail Harun.

Ismail berkata, FRIM kini turut menyediakan perkhidmatan perundingan pengurusan pokok serta kawasan hijau bandar kepada kerajaan tempatan.

Menurutnya, langkah tersebut bagi memperluaskan kawasan bandar hijau seterusnya memberi keselesaan kepada masyarakat.

"Kawasan hijau dalam bandar sangat penting kerana proses urbanisasi sedang membangun dengan pesat di negara kita."

"Malah kami juga percaya taman yang diuruskan baik dalam kawasan bandar dapat menjadi tarikan utama kepada pelancong," katanya.

Beliau turut menambah kawasan hijau di dalam bandar dapat mengurangkan bunyi dan pencemaran udara.

"Jadi kita mesti memulihara semua kawasan yang sedia ada dengan memastikan pengurusannya mampan," katanya.